

Banyak isu AP tidak dijawab - Dr. M

Oleh SRY ANGRENI MOHD. ZET

PUTRAJAYA 10 Okt. - Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, masih banyak persoalan yang tidak dijawab oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Rafidah Aziz mengenai isu pemberian permit kemerdekaan (AP) di Parlimen baru-baru ini.

Sambil menyuarakan rasa tidak puas hati mengenai penjelasan tersebut, bekas Perdana Menteri itu berkata, penerangan yang dilakukan oleh Rafidah mengenai isu itu tidak menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh ahli-ahli Parlimen.

Pada masa yang sama, kata beliau, ahli-ahli Parlimen juga tidak bertanyakan soalan-soalan yang tepat dan sewajarnya ditanya mengenai AP dalam sidang tersebut.

"Saya hanya membaca (penjelasan Rafidah) menerusi laporan akhbar kerana saya tidak boleh datang ke Parlimen. Kebanyakan soalan tidak dijawab dan ahli-ahli Parlimen juga tidak mengemukakan soalan-soalan yang sewajarnya," kata beliau.

Dr. Mahathir berkata demikian pada sidang akhbar di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini selepas majlis pelancaran logo Forum Perdana Keamanan Sejagat yang akan berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur pada 15 hingga 17 Disember ini.

Beliau yang juga Penasihat Proton Holdings Berhad berkata, perkara yang patut dibangkitkan oleh ahli Parlimen ialah mengenai jumlah AP yang dikeluarkan dan kenapa hanya beberapa orang saja diberi AP yang banyak sedangkan ramai yang mengemukakan permohonan.

Mengulas mengenai kelulusan pemberian AP kepada ahli Parlimen, Dr. Mahathir berkata, pemberian itu bukan merupakan satu kesalahan kerana setiap seorang hanya dibenarkan memperoleh satu AP sepanjang tempoh perkhidmatan.

"Apa yang saya katakan ialah kelulusan yang dibuat ialah untuk seorang ahli Parlimen memperoleh satu AP untuk membolehkan mereka mengimport satu kereta yang tidak terdapat di Malaysia untuk kegunaan sendiri," tegasnya.

Beliau bagaimanapun mempertikaikan kenapa senarai ahli Parlimen yang mendapat AP perlu disiarkan kepada umum sedangkan itu bukan persoalan yang dikemukakan oleh ahli-ahli Parlimen.

Selain itu Dr. Mahathir juga berkata, Rafidah juga belum menjawab persoalan kenapa kereta-kereta yang diimport diisytiharkan pada harga yang lebih rendah daripada sewajarnya.

"Adalah menjadi tugas MITI untuk memeriksa kereta yang diimport itu diisytiharkan mengikut harga yang sepatutnya

walaupun ia bukan tanggungjawab mereka. MITI sepatutnya membuat kata putus pengisytiharan harga kereta yang diimport," katanya.

Sementara itu, Dr. Mahathir sekali lagi menegaskan beliau tidak terlibat dalam pemberian status nasional kepada kereta keluaran Naza Group.

Beliau berkata, kelulusan itu sebaliknya dibuat oleh Rafidah dan MITI sedia maklum mengenai perkara tersebut.


"Mengetahui kelulusan kereta Naza sebagai kereta nasional, saya tahu MITI sedia maklum bahawa mereka yang memberi kelulusan itu.

"Anda tahu bahawa menyembunyikan sesuatu maklumat adalah salah. Kerajaan tidak harus menyembunyikan maklumat dan menipu orang ramai. Ia salah," tegas beliau.

Menurut Dr. Mahathir, kerajaan tahu bahawa MITI yang meluluskan Naza sebagai kereta nasional, bukannya beliau.

"Ini merupakan satu penyembunyian (maklumat) dan ia sangat teruk. Kita tidak seharusnya menyembunyikan apa-apa terutama apabila kita mahu menjadi lebih telus," katanya.

Dr. Mahathir pada Julai lepas mendedahkan keputusan untuk memberikan Naza Ria status kereta nasional dibuat oleh Rafidah selaku menteri yang bertanggungjawab.



DR. MAHATHIR Mohamad bersama Pengerusi Yayasan Kepimpinan Perdana, Tan Sri Azman Hashim melihat Logo Forum Perdana Keamanan Sejagat 2005 selepas pelancaran logo tersebut di Putrajaya semalam.